



## KENYATAAN KERJA UNDI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BILANGAN 1 TAHUN 2025

Kontraktor Bumiputera tempatan yang **berdaftar** dalam **sistem e-perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada Pusat Khidmat Kontraktor serta mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat** daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih berkuatkuasa **tempoh sah laku/ perakuan sehingga tarikh tutup penyertaan** adalah dipelawa untuk menyertai undian seperti berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR	TARIKH & WAKTU PENYERTAAN	TARIKH & WAKTU SESI CABUTAN KERJA UNDI
1.	Lantikan bagi Kerja Awam, Mekanikal dan Elektrikal	A. Kontraktor Awam dan Mekanikal Gred G1 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja  B. Kontraktor Elektrikal Gred G1, G2 dan G3 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja  C. Memiliki sijil-sijil berikut; • SSM • PPK • SPKK • STB	<b>26 - 30 Mei 2025</b> (Isnin jam 12:00 pagi - Jumaat jam 11:59 malam)  <b>PENYERTAAN KERJA UNDI</b> adalah secara dalam talian menggunakan sistem <b>eperolehan DBKL</b> seperti berikut;  i. Layari laman utama sistem eperolehan DBKL di <a href="http://eperolehan.dbkl.gov.my">eperolehan.dbkl.gov.my</a> ii. Daftar masuk Pengguna iii. Klik pada tab 'Iklan Kerja Undi' iv. Klik pada butang 'Daftarkan Penyertaan Saya'	<b>17 Jun 2025</b> (Selasa) jam 12:00 tengah hari  Sesi Cabutan Kerja Undi akan dibuat secara <i>live feed</i> di laman Facebook rasmi DBKL

## **NOTA PENTING:**

1. **Penyertaan kerja undi** hanya boleh dibuat setelah pendaftaran kerja undi dalam sistem e-perolehan DBKL selesai dilaksanakan.
2. Syarikat digalakkan untuk membuat pendaftaran awal. Bahagian Pengurusan Perolehan (BPP) tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan syarikat untuk menyertai cabutan kerja undi disebabkan pendaftaran kerja undi di saat akhir.
3. Butang untuk menyertai cabutan kerja undi hanya boleh dipilih oleh syarikat yang mendaftar dalam kategori seperti yang diiklankan.
4. Syarikat yang telah memperolehi **kerja undi yang masih aktif dalam tangan** adalah **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi ini.
5. Senarai syarikat yang **LAYAK** untuk menyertai Sesi Cabutan Kerja Undi akan memperolehi **nombor kupon undi** secara automatik di alamat emel yang telah didaftarkan dalam sistem e-perolehan DBKL dalam tempoh **satu (1) hari selepas tarikh tutup penyertaan kerja undi**. Senarai ini juga akan dipaparkan di laman sesawang rasmi DBKL di sudut '**Pengumuman**' sehari sebelum Sesi Cabutan Kerja Undi Secara Dalam Talian diadakan.
6. Syarikat yang masih dalam tindakan tata tertib oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi ini. Pembatalan nombor kupon undi akan dibuat serta-merta.
7. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web rasmi DBKL.

### **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**Tarikh Iklan : 20 Mei 2025**

**Laman Web : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)**

**<https://eperolehan.dbkl.gov.my/>**